

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB TUAN PANG HOK LIONG (LABIS)

SOALAN

YB TUAN PANG HOK LIONG (LABIS) minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan langkah-langkah yang perlu disegerakan untuk menyelesaikan masalah bekalan air di Labis, Johor yang sering terputus.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman, bagi mengatasi masalah bekalan air di Labis, pihak Operator Air di Negeri Johor iaitu Ranhill SAJ Sdn. Bhd. sedang melaksanakan kerja-kerja menaiktaraf sistem bekalan air di sekitar kawasan tersebut dengan kos keseluruhan sebanyak RM 32.47 juta melibatkan kerja-kerja berikut:

- a) Cadangan menaiktaraf Loji Rawatan Air (LRA) Panas C di Segamat daripada 11.5 Juta Liter Sehari (JLH) kepada 29.15 JLH;
- b) Cadangan pembinaan tangki perkhidmatan berkapasiti 4.54 JLH di Labis. Lokasi adalah bersebelahan tangki sedia ada Labis berkapasiti 2.27 JLH; dan
- c) Cadangan pemasangan paip bersaiz 350mm diameter jenis *Mild Steel* (MS) sepanjang enam (6) km dari Pekan Chaah ke Desa Temu Jodoh.

2. Kemajuan di tapak untuk kerja-kerja menaiktaraf sistem bekalan air ini sehingga akhir September 2021 adalah sebanyak 9.63% dan dijangka siap pada awal 2023.

Sekian, terima kasih.